A

LOW ENG YEW lwn. LOW ENG HOCK & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
ROSLAN MAT NOR H
[SAMAN PEMULA NO: CB-24NCC-2-01-2024]
15 OGOS 2024

B

Abstrak – *Fakta bahawa terdapat satu prosiding lain yang dikatakan akan menjadi pemutus dalam kes semasa tidak tergolong dalam keadaan yang boleh dipertimbangkan untuk mewajarkan satu penggantungan prosiding. Apabila pihak-pihak memfailkan sesuatu tindakan di mahkamah, adalah diharapkan tindakan tersebut dapat diselesaikan dan diputuskan oleh mahkamah dalam tempoh yang sewajarnya. Apa-apa halangan prosedur atau tindakan yang menggunakan prosedur hingga menyebabkan kelewatan penyelesaian sesuatu kes tidak mewajarkan permohonan penggantungan prosiding dibenarkan.*

C

D

PROSEDUR SIVIL: *Penggantungan – Permohonan – Permohonan agar keseluruhan prosiding dalam kes semasa digantung hingga pelupusan muktamad prosiding satu lagi kes – Alasan bahawa prosiding dalam kes semasa mempunyai kaitan dengan satu lagi kes dan akan memutuskan locus – Prinsip-prinsip berkaitan permohonan penggantungan – Sama ada terdapat alasan yang boleh dipertimbangkan untuk membenarkan permohonan penggantungan prosiding – Sama ada mahkamah wajar menggunakan budi bicara untuk membenarkan permohonan penggantungan – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012*

E

F

Plaintif, dalam saman pemula ini, memohon: (i) perintah deklarasi bahawa defendan pertama dan kedua dan pengarah-pengarah defendan ketiga telah menindas plaintif dengan mengabaikan kepentingan plaintif yang berkaitan dengan penyata kewangan defendan ketiga bagi tahun kewangan 2015, 2016, 2017 dan 2018 dengan mengemukakan penyataan palsu berkenaannya. Menurut plaintif, penindasan tersebut juga dikatakan berlaku apabila defendan pertama dan kedua dan pengarah-pengarah defendan ketiga tidak membekalkan penyata kewangan pada plaintif serta tidak memanggil Mesyuarat Agong Tahunan bagi tahun 2021 dan 2022; (ii) agar defendan ketiga digulungkan dan segala kos berkaitannya ditanggung oleh defendan pertama, kedua dan ketiga. Di samping itu, defendan pertama dan kedua juga secara bersama memberikan tanggung rugi kepada plaintif terhadap kenyataan-kenyataan palsu yang didakwa dilakukan oleh defendan-defendan pada pemiutang syarikat; dan (iii) agar penalti yang dikenakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM') terhadap defendan ketiga bagi pengisytiharan palsu dibayar oleh defendan-defendan. Defendan-defendan, melalui kertas mahkamah 4 ('KM 4') memohon agar keseluruhan prosiding saman pemula ini digantung hingga pelupusan muktamad Guaman Sivil

G

H

I

No. CB-22NCC-3-04/2022 ('guaman sivil'). Alasan KM 4 adalah kerana prosiding dalam guaman sivil tersebut mempunyai kaitan dengan saman pemula ini dan guaman sivil akan memutuskan sama ada plaintif mempunyai *locus* dalam tindakan ini.

Diputuskan (menolak permohonan dalam KM 4):

(1) Kedua-dua prosiding tersebut berkaitan dengan Syarikat Usaha Sinaran Enterprise Sdn Bhd. Walaupun kedua-dua prosiding melibatkan syarikat yang sama, namun ia berkaitan dengan isu yang berbeza iaitu, satu berkaitan dengan tuduhan penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah oleh defendan, Low Eng Yew, yang perlu diputuskan berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan kelak. Sebaliknya, saman pemula ini adalah berkaitan dengan penindasan minoriti yang tertakluk pada prinsip undang-undang berkaitan penindasan minoriti bawah undang-undang syarikat. Perbezaan juga wujud dari sudut remedi yang ingin diperolehi dalam saman pemula ini dengan guaman sivil. Kedua-dua kes akan diputuskan berdasarkan prinsip undang-undang dan keterangan-keterangan yang dikemukakan untuk dua jenis tindakan yang difailkan oleh plaintif dan defendan-defendan dalam kedua-dua kes tersebut. (perenggan 13, 14 & 17)

(2) Plaintif telah memfailkan saman pemula sebelum pemfailan guaman sivil, namun, telah menarik balik saman pemula itu. Ini menunjukkan bahawa tindakan plaintif memfailkan saman pemula ini bukan dibuat sejurus selepas tindakan defendan pertama memfailkan prosiding guaman sivil pada tahun 2022 untuk menyatakan itu adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah sehingga menyebabkan permohonan penggantungan prosiding ini boleh dibenarkan. Tiada penyalahgunaan proses mahkamah oleh plaintif dalam memfailkan saman pemula ini untuk membolehkan mahkamah menggunakan bidang kuasa sedia adanya untuk menggantung prosiding ini. (perenggan 45)

(3) Mahkamah perlu meneliti sama ada terdapat ketidakadilan terhadap defendan-defendan ekoran tindakan pemfailan saman pemula ini oleh plaintif. Tindakan plaintif memfailkan saman pemula terhadap defendan-defendan adalah tindakan yang dibuat berdasarkan kedudukan plaintif dalam syarikat. Ini akan diputuskan berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan melalui afidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak-pihak. Defendan-defendan boleh memfailkan apa-apa afidavit dan ekshibit untuk menyanggah keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh plaintif serta membantu mahkamah membuat keputusan yang sewajarnya dalam prosiding ini. Ini tidak menjejaskan kepentingan defendan-defendan. Malahan, penggantungan prosiding ini menimbulkan ketidakadilan dan prejudis terhadap defendan-defendan sendiri disebabkan keadilan yang sepatutnya dinikmati oleh plaintif dan defendan-defendan akan tertangguh dengan tiada alasan yang boleh dipertahankan bawah undang-undang. (perenggan 46)

(4) Mahkamah mempunyai budi bicara untuk mempertimbangkan permohonan penggantungan prosiding. Namun demikian, ini tidak boleh dibenarkan sewenang-wenangnya. Mahkamah perlu berpuas hati bahawa berdasarkan afidavit-afidavit sokongan yang perlu dikemukakan, adalah wajar untuk mahkamah mempertimbangkan permohonan tersebut. Fakta bahawa terdapat satu prosiding lain yang dikatakan akan menjadi pemutus pada saman pemula tidaklah tergolong dalam keadaan yang boleh dipertimbangkan untuk suatu penggantungan prosiding. Fakta defendan kedua mempunyai tuntutan terhadap plaintif bukan alasan yang boleh dipertimbangkan untuk membenarkan permohonan penggantungan prosiding. (perenggan 47, 48 & 52)

***Obiter*:**

(1) Pihak-pihak harus menggunakan peruntukan-peruntukan yang bersesuaian dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk membolehkan hak mereka didengar oleh mahkamah atau menggabungkan serta menyatukan kepelbagaian prosiding untuk diputuskan bersekali dan ini adalah sejajar dengan hasrat penggubalan pengenalan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 sebagai langkah untuk memastikan prosiding sivil akan dapat diselesaikan dalam tempoh yang sewajarnya dan tidak menjadi batu penghalang pada proses mendapatkan keadilan sivil dalam tempoh yang sewajarnya. (perenggan 51)

Kes-kes yang dirujuk:

AB (Sudan) v. Secretary Of State For The Home Department [2013] EWCA Civ 921 ***(dirujuk)***

Abraham v. Thompson [1997] 4 All ER 362 ***(dirujuk)***

Ahmad Zubair Hj Murshid v. PP [2014] 9 CLJ 289 FC ***(dirujuk)***

Airbus Helicopters Malaysia Sdn Bhd v. Aerial Power Lines Sdn Bhd [2024] 4 CLJ 243 CA ***(dirujuk)***

Datin Seri Rosmah Mansor v. PP [2022] 1 CLJ 849 CA ***(dirujuk)***

Dato' Azizan Abd Rahman & Ors v. Concrete Parade Sdn Bhd & Ors And Other Appeals [2024] 5 CLJ 193 FC ***(dirujuk)***

Fortuna Holdings Pty Ltd v. The Deputy Commissioner of Taxation of the Commonwealth of Australia [1978] VR 83 ***(dirujuk)***

International Construction & Civil Engineering Sdn Bhd v. Jittra Sdn Bhd & Ors [2018] CLJU 1252; [2018] 1 LNS 1252 CA ***(dirujuk)***

Karpal Singh & Anor v. PP [1991] 2 CLJ 1458; [1991] 1 CLJ (Rep) 183 SC ***(dirujuk)***

Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v. Koperasi Serbausaha Makmur Bhd [2003] 4 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Low Ean Nee v. SNE Marketing Sdn Bhd [2024] 1 CLJ 24 CA ***(dirujuk)***

Minister Of Foreign Affairs, Trade And Industry v. Vehicles And Supplies Ltd [1991] 1 WLR 550 ***(dirujuk)***

Mobikom Sdn Bhd v. Inmiss Communications Sdn Bhd [2007] 3 CLJ 295 CA ***(dirujuk)***

Permodalan MBF Sdn Bhd v. Tan Sri Datuk Seri Hamzah Abu Samah & Ors [1988] 1 CLJ 31; [1988] 1 CLJ (Rep) 244 SC ***(dirujuk)***

PP v. Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak [2019] 6 CLJ 561 FC ***(dirujuk)***

Press Metal Sarawak Sdn Bhd v. Etiqa Takaful Bhd [2016] 9 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

R (On The Application Of SB (Sudan)) v. Secretary Of State For Home Department [2012] EWHC 3483 ***(dirujuk)***
R Rama Chandran v. Industrial Court Of Malaysia & Anor [1997] 1 CLJ 147 FC ***(dirujuk)***
Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd; Ling Beng Sung v. Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors (No 2) [1974] CLJU 205; [1974] 1 LNS 205 FC ***(dirujuk)***
Shackleton v. Swift [1913] 2 KB 304 ***(dirujuk)***
Swissray Asia Healthcare Co Ltd v. Medical Services M Sdn Bhd [2024] 8 CLJ 21 CA ***(dirujuk)***
The Motor Emporium v. V Arumugam [1933] CLJU 106; [1933] 1 LNS 106 HC ***(dirujuk)***
Yeo Eng Lam v. Infinity Vantage Sdn Bhd [2020] 6 CLJ 616 CA ***(dirujuk)***
Zalam Corporation Sdn Bhd lwn. Dolomite Readymixed Concrete Sdn Bhd [2011] 9 CLJ 705 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Arbitration Act 2005, s. 10
Companies Act 2016, s. 346
Courts of Judicature Act 1964, s. 25(2), Schedule
Rules of Court 2012, O. 34, O. 92 r. 4
Subordinate Courts Act 2005, s. 99A

Civil Procedure Rules 1998 [UK], r. 3.1

Bagi pihak plaintif - S Velan; T/n Singara Velan & Assocs
Bagi pihak defendan-defendan - ST Chen & Alicia Ng; T/n WK Wong & Co

Dilaporkan oleh Lina E

PENGHAKIMAN

Roslan Mat Nor H:

Pendahuluan

[1] Defendan-defendan melalui Kertas Mahkamah 4 (KM 4) memohon agar keseluruhan prosiding saman pemula ini digantung sehingga pelupusan muktamad kes Guaman Sivil No. CB-22NCC-3-04/2022.

[2] Alasan permohonan ini adalah prosiding di Guaman Sivil No. CB-22NCC-3-04/2022 akan memutuskan sama ada plaintif mempunyai "*locus*" dalam tindakan ini. Di samping itu, pendengaran kes Guaman Sivil No. CB-22NCC-3-04/2022 itu akan menentukan apakah saksi-saksi yang perlu dikemukakan bagi kes Saman Pemula No. CB-24NCC-2-01/2024 ini. Di samping itu, tarikh pendengaran kes Guaman Sivil No. CB-22NCC-3-04/2022 telah ditetapkan dan ia tidak akan memprejudiskan plaintif.

[3] Bagi kes ini iaitu Saman Pemula No. CB-24NCC-2-01/2024, plaintif memohon perintah deklarasi bahawa defendan pertama, defendan kedua dan pengarah-pengarah defendan ketiga telah menindas plaintif dengan mengabaikan kepentingan plaintif yang berkaitan dengan penyata kewangan defendan ketiga bagi tahun kewangan 2015, 2016, 2017 dan 2018 dengan

mengemukakan penyataan palsu berkenaannya. Penindasan tersebut juga dikatakan berlaku apabila defendan pertama, defendan kedua dan pengarah-pengarah defendan ketiga tidak membekalkan penyata kewangan kepada plaintif serta tidak memanggil Mesyuarat Agong Tahunan bagi tahun 2021 dan 2022.

[4] Seterusnya, plaintif juga memohon agar defendan ketiga digulungkan dan segala kos berkaitannya ditanggung oleh defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga. Di samping itu, defendan pertama dan defendan kedua juga secara bersama memberikan tanggung rugi kepada plaintif terhadap kenyataan-kenyataan palsu yang didakwa dilakukan oleh defendan-defendan kepada pemiutang-pemiutang syarikat. Plaintif juga meminta supaya segala penalti yang dikenakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) terhadap defendan ketiga bagi pengisytiharan palsu dibayar oleh defendan-defendan.

[5] Sebaliknya, di dalam prosiding dalam kes CB-22NCC-3-04/2022, remedi yang dipohon oleh pihak plaintif (Low Eng Hock) dalam kes tersebut adalah seperti yang dinyatakan dalam penyata tuntutan yang diekshibitkan sebagai "L1" afidavit sokongan defendan-defendan yang diikrarkan oleh Low Eng Hock pada 13 Februari 2022. Tuntutannya adalah seperti berikut:

(i) ganti rugi am;

(ii) ganti rugi teladan (exemplary damages);

(iii) satu deklarasi bahawa saham-saham yang dipegang oleh defendan (Low Eng Yew) dalam Usaha Sinaran Enterprise Sdn Bhd (No. Syarikat: 1129800-V) (selepas ini dirujuk sebagai "syarikat tersebut") dalam nama defendan (selepas ini dirujuk sebagai "saham-saham tersebut") adalah dipegang atas amanah oleh defendan (Low Eng Yew) bagi pihak plaintif secara mutlak;

(iv) satu deklarasi bahawa plaintif adalah pemilik benefisial saham-saham tersebut yang dipegang oleh defendan (Low Eng Yew) dalam syarikat tersebut;

(v) satu perintah bahawa defendan (Low Eng Yew) hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh perintah di sini memindahkan kepada plaintif semua saham-saham tersebut dalam syarikat tersebut untuk plaintif;

(vi) satu perintah bahawa defendan (Low Eng Yew) hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh perintah ini menyerahkan semula semua sijil saham-saham tersebut (jika ada) dan memindahkan saham-saham tersebut kepada plaintif;

(vii) bahawa Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah yang Mulia ini hendaklah menandatangani semua memorandum pindahmilik saham-saham tersebut dan lain-lain dokumen yang diperlukan untuk pihak defendan menyerah saham-saham tersebut di syarikat tersebut kembali kepada plaintif sekiranya defendan gagal, enggan atau abai menandatangani memorandum pemindahan selepas luput tujuh hari selepas tuntutan bertulis daripada plaintif dan/atau peguam caranya;

(viii) kos; dan

(ix) sebarang relief lanjutan dan/atau lain-lain relief yang difikirkan patut dan wajar oleh Mahkamah yang Mulia ini.

[6] Dalam kes CB-22NCC-3-04/2022, plaintif dalam kes tersebut adalah Low Eng Hock iaitu defendan pertama dalam kes ini (CB-24NCVC-2-01/2024). Low Eng Hock dalam kes CB-22NCC-3-04/2022 menyatakan bahawa dia dan seorang yang bernama Dato' Ng Eng Yong telah menubuhkan syarikat Usaha Sinaran Enterprise Sdn Bhd. Defendan dalam kes tersebut yang merupakan plaintif dalam kes CB-24NCC-2-02/2024 ini adalah merupakan adik-beradik kepada Low Eng Hock. Low Eng Yew dan Low Eng Hock adalah adik-beradik.

[7] Asas kepada permohonan ini ialah untuk membolehkan mahkamah dalam perbicaraan CB-22NCC-3-04/2022 terlebih dahulu menentukan kedudukan plaintif sama ada mempunyai "*locus*" atau tidak untuk tindakan ini.

Afidavit Sokongan Plaintif

[8] Dalam affidavit sokongan Low Eng Yew dinyatakan bahawa sebelum ini dia pernah memfailkan tindakan yang serupa melalui saman pemula CB-24NCC-4-11/2019 di Mahkamah Tinggi Malaya di Temerloh terhadap ketiga-tiga defendan. Namun, saman pemula tersebut telah diberhentikan dengan kebebasan untuk memfailkan semula pada 11 Mac 2020. Seterusnya, plaintif telah diserahkan dengan writ saman CB-22NCC-3-04/2022 yang difailkan oleh defendan pertama. Setelah itu, plaintif telah menulis surat kepada setiausaha syarikat defendan ketiga untuk mendapatkan penyata-penyata akaun bagi tahun 2019 hingga 2022 tetapi setiausaha syarikat defendan ketiga tersebut menyatakan bahawa pengarah syarikat tidak membenarkan dokumen-dokumen tersebut diberikan kepada plaintif. Plaintif mendakwa dia meminta dokumen-dokumen tersebut di atas kedudukannya sebagai ahli kepada defendan ketiga iaitu Usaha Sinaran Enterprise Sdn Bhd.

[9] Seterusnya, plaintif telah berjaya mendapatkan salinan penyata-penyata akaun beraudit bagi tahun 2015, 2016, 2017, dan 2018. Dia juga telah berjaya mendapatkan laporan pendapat awal daripada Tetuan AGS Advisory. Pendapat awal itu telah menunjukkan bahawa terdapatnya

penyataan salah kepada pemiutang-pemiutang yang menjejaskan syarikat iaitu defendan ketiga. Ini telah menyebabkan plaintif mempunyai syak wasangka bahawa telah berlaku kesalahan-kesalahan berkaitan pengisytiharan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Begitu juga ketika meneliti penyata kewangan tahun 2019 dan 2020 juga, plaintif mendapati terdapatnya bayaran imbuhan kepada defendan pertama dan defendan kedua dibuat walaupun tiada sebarang pendapatan pada tahun 2020 dan defendan ketiga mengalami kerugian.

[10] Apa yang lebih menarik ialah berdasarkan statement of financial position tahun 2020, baki wang tunai di bank pada tahun 2019 ialah RM2,305,591 dan sementara bagi tahun 2020 ia berkurangan kepada RM1,479,958. Ini telah menyebabkan plaintif sebagai pihak yang berkepentingan di dalam defendan ketiga menimbulkan kemusykilan dan kebimbangan. Plaintif juga mendakwa bahawa pada 15 November 2019, terdapat resolusi syarikat yang bertujuan untuk menyingkirkan pihak plaintif. Ini semua menyebabkan plaintif memfailkan saman pemula dalam kes ini.

[11] Sebaliknya, plaintif dalam afidavit jawapan menyatakan bahawa defendan-defendan telah gagal untuk menunjukkan keadaan istimewa mengapakah perlunya penggantungan kepada guaman ini. Ini adalah disebabkan isu-isu yang timbul dalam guaman ini adalah berbeza dengan guaman CB-22NCC-3-04/2022. Ini adalah disebabkan dalam guaman CB-22NCC-3-04/2022 hanya defendan pertama dan plaintif sahaja yang terlibat manakala dalam kes ini semua pihak terlibat. Oleh itu, tidak timbul keputusan bagi kes CB-22NCC-3-04/2022 itu perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pendengaran kes ini.

Analisa

[12] Penelitian kepada permohonan di KM 4 adalah jelas menunjukkan bahawa defendan-defendan ingin supaya pendengaran saman pemula ini ditangguhkan sehingga pelupusan kes CB-22NCC-3-04/2022. Ini adalah disebabkan pada hemat defendan-defendan, isu-isu berkenaan tuntutan di bawah CB-22NCC-3-04/2022 tersebut mempunyai kaitan dengan kes ini. Sekiranya keputusan dalam CB-22NCC-3-04/2022 tersebut adalah memihak kepada mana-mana pihak ia akan menjejaskan kes CB-24NCC-2-01/2024 ini. Oleh itu, menurut defendan-defendan, prosiding ini perlu ditangguhkan.

[13] Adalah didapati bahawa kedua-dua prosiding tersebut adalah berkaitan dengan syarikat Usaha Sinaran Enterprise Sdn Bhd. Bagi kes CB-22NCC-3-04/2022 ia adalah berkaitan dengan insiden-insiden yang berlaku yang melibatkan Low Eng Hock dan Low Eng Yew yang melibatkan dakwaan plaintif dalam kes tersebut bahawa terdapatnya pecah amanah oleh Low Eng Yew yang melibatkan keengganan pemindahan saham-saham yang dipegang atas amanah plaintif. Sebaliknya, dalam kes CB-24NCC-2-01/2024 ini adalah berkenaan tuntutan penindasan yang dilakukan oleh defendan pertama kepada plaintif.

[14] Mahkamah ini berpendapat walaupun ia melibatkan syarikat yang sama namun ia berkaitan dengan isu yang berbeza iaitu satu berkaitan dengan tuduhan penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah oleh defendan iaitu Low Eng Yew yang perlu diputuskan berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan kelak. Sebaliknya, bagi kes CB-24NCC-2-01/2024 ia adalah berkaitan dengan penindasan minoriti yang tertakluk kepada prinsip undang-undang berkaitan penindasan minoriti di bawah undang-undang syarikat. Adalah didapati bahawa remedi bagi penindasan telah dinyatakan di bawah s. 346 Akta Syarikat 2016 (Akta 777) yang memperuntukkan seperti berikut:

346 Remedi dalam hal penindasan

(1) Mana-mana anggota atau pemegang debentur suatu syarikat boleh memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah di bawah seksyen ini atas alasan:

(a) bahawa hal ehwal syarikat dijalankan atau kuasa pengarah dijalankan mengikut cara yang menindas seorang atau lebih anggota atau pemegang debentur termasuklah dirinya sendiri atau yang tidak mengambil kira kepentingannya atau mereka sebagai anggota, pemegang syer atau pemegang debentur syarikat; atau

(b) bahawa beberapa tindakan syarikat dilakukan atau diancam atau bahawa beberapa ketetapan anggota, pemegang debentur atau mana-mana kelas mereka diluluskan atau dicadangkan yang mendiskriminasi secara tidak adil terhadap atau selainnya menjejaskan seorang atau lebih anggota atau pemegang debentur, termasuklah dirinya sendiri.

(2) Jika atas permohonan itu Mahkamah berpendapat bahawa salah satu daripada alasan itu dibuktikan, Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah dengan tujuan untuk menyelesaikan atau meremedi perkara yang diadukan itu, dan tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), perintah itu boleh-

(a) mengarahkan atau melarang apa-apa tindakan atau membatalkan atau mengubah apa-apa transaksi atau ketetapan;

(b) mengawal selia penjalanan hal ehwal syarikat pada masa hadapan;

(c) mengadakan pembelian syer atau debentur syarikat oleh anggota atau pemegang debentur lain syarikat itu atau oleh syarikat itu sendiri;

(d) dalam hal pembelian syer oleh syarikat itu, memperuntukkan pengurangan dengan sewajarnya bagi modal syarikat; atau

(e) memperuntukkan supaya syarikat itu digulung.

A (3) Jika suatu perintah supaya syarikat digulung dibuat di bawah perenggan (2)(e), peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan penggulungan suatu syarikat hendaklah terpakai seolaholah perintah itu dibuat setelah petisyen dikemukakan dengan sewajarnya kepada Mahkamah oleh syarikat itu, dengan apa-apa penyesuaian yang perlu.

B (4) Jika suatu perintah di bawah seksyen ini membuat apa-apa perubahan dalam atau penambahan kepada mana-mana perlembagaan, maka, walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana peruntukan lain Akta ini, tetapi tertakluk kepada perintah itu, syarikat yang berkaitan tidak mempunyai kuasa tanpa keizinan C Mahkamah untuk membuat apa-apa perubahan atau penambahan selanjutnya dalam atau kepada perlembagaan yang tidak selaras dengan perintah itu, tetapi tertakluk kepada peruntukan subseksyen ini yang terdahulu, perubahan atau penambahan yang dibuat oleh perintah itu hendaklah mempunyai kesan yang sama seolah-olah dibuat dengan sewajarnya melalui ketetapan syarikat itu.

D (5) Suatu salinan pejabat bagi apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah diserah simpan oleh pemohon dengan Pendaftar dalam masa empat belas hari dari perintah itu dibuat.

(6) Pemohon yang melanggar subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi E sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sebanyak lima ratus ringgit bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(penekanan ditambah)

[15] Penentuan sama ada terdapatnya penindasan adalah bergantung kepada F keadaan dan keterangan di dalam suatu kes yang perlu diambil kira oleh mahkamah seperti yang terdapat di dalam kes *Dato' Azizan Abd Rahman & Ors v. Concrete Parade Sdn Bhd & Ors And Other Appeals* [2024] 5 CLJ 193 apabila salah satu isu yang timbul ialah adakah keputusan pengarah-pengarah syarikat yang melakukan suatu proses urus niaga atau tindakan korporat yang G lain yang memerlukan persetujuan pemegang-pemegang saham adalah suatu yang termasuk di dalam penindasan. Ini dinyatakan seperti berikut:

> [360] We now turn to the final issue and question (vii). As stated at the outset, the fourth issue in this appeal is whether the use of the oppression provision is indeed the proper means of remedying Concrete Parade's H grievances, if such grievances are made out.
>
> [361] As we have concluded above, Concrete Parade has failed to establish a contravention of either s. 85 or of s. 223(1)(b)(i) and (ii) of the Act. Neither has an illegality been conclusively established in relation to s. 67A of the Companies Act 1965 or s. 127 of the Act in relation to the share buy-back transactions. I

[362] Question (vii) in turn reads as follows:

(i) whether, in an application under s. 346 of the Act, the court may make a finding that the affairs of a public-listed company have been conducted oppressively by the directors on the basis that there has been a denial of a shareholder's statutory right to vote on any arrangement or transaction or other corporate exercise requiring shareholders' approval by law when:

(a) all shareholders were given the opportunity to vote before the arrangement or transaction or corporate exercise in question became legally binding and effective;

(b) the shareholders of the company in general meeting had voted to approve the arrangement or transaction or corporate exercise in question; and

(c) the shareholders who voted in favour of the arrangement or transaction or corporate exercise were not made parties to the oppression proceedings against the company and its directors?

(ii) **Answer to Question (vii):**

No. We answer Question (vii) in the negative.

[363] Our reasons for answering so have effectively been addressed throughout the grounds of judgment.

[364] As is stated in the course of the judgment, can Concrete Parade's grievance amount to oppression when the majority of the shareholders approved the merger and the consequent 'dilution' of their shareholding?

[365] As the majority approved the merger, meaning that majority rule was in favour of the merger, how can unfairly prejudicial conduct prevail or even come into operation in light of the majority vote of the shareholder organ of the company?

[366] The Court of Appeal failed to appreciate or comprehend this fundamental issue in determining this appeal, with respect. (See also *In The Matter Of Tong Eng Sdn Bhd* [1994] 2 CLJ 775; [1994] 1 MLJ 451; *Pan Choon Weng v. Mexvin Chow Yew Hoong & Ors* [2022] CLJU 2248; [2022] 1 LNS 2248; [2022] MLJU 2357; *Seah Eng Toh Daniel & Anor v. Kingsley Khoo Hoi Leng & Ors* [2016] 2 CLJ 695).

(penekanan ditambah)

[16] Pada masa yang sama, mahkamah juga merujuk kepada kes *Low Ean Nee v. SNE Marketing Sdn Bhd* [2024] 1 CLJ 24 yang menyatakan berkenaan dengan hak pemegang saham atau pengurus syarikat untuk melindungi kepentingan syarikat sehingga ia boleh menjadi asas kepada suatu tindakan untuk penindasan.

[43] We agree with the submissions that were made by counsel for the appellant that the commencement of the oppression suit and the lodging of the police report (pertaining to the unlawful assignment of the trademark to SNE-G) which led to LCT and his daughter being charged for CBT cannot be construed as an ulterior or improper motive on the part

A of the appellant against the respondent itself. The appellant may well have had ulterior motives against others *eg*, directors and shareholders, but not the respondent itself.

[46] As correctly pointed out by counsel for the appellant, the oppression suit and the CBT charge merely demonstrate hostility towards the other B directors and shareholders of the respondent and not the respondent itself. But, it was contended by the respondent in its affidavits that the appellant was seeking to obtain the respondent's financial records and documents so as to launch further attacks and was a launch-pad to injure the respondent. With respect, we see no evidence of intention by the appellant to injure the respondent. She may well have an intention to C commence other legal proceedings against the directors and shareholders but that is her right. The germane question here is whether there was any evidence that she was intending to injure the respondent. The answer is - no.

[56] As such, we are constrained to hold that the learned Judicial D Commissioner erred in dismissing the originating summons. Thus, appellate intervention is warranted. Ordinarily, we would have allowed the appeal. However, it is necessary for us to consider the impact of the post High Court event, namely, the appellant's removal as director.

[17] Sebaliknya, bagi kes No. CB-22NCC-3-04/2022 ia adalah berkaitan E dengan dakwaan bahawa defendan (Low Eng Yew) telah bertindak secara tidak amanah sebagai pemegang saham bagi pihak plaintif. Ia adalah jelas berbeza dengan saman pemula CB-24NCC-2-01/2024 ini. Perbezaan juga dari sudut remedi yang ingin diperolehi dalam saman pemula ini dengan writ saman CB-22NCC-3-04/2022. Mahkamah berpendapat kedua-dua kes tersebut akan diputuskan berdasarkan kepada prinsip undang-undang dan F keterangan-keterangan yang dikemukakan bagi dua jenis tindakan yang difailkan oleh pihak plaintif dan defendan-defendan dalam kedua-dua kes tersebut.

Apakah Wajar Penggantungan Prosiding Dalam Kes Ini?

G **[18]** Persoalannya ialah adakah disebabkan kedua-dua kes tersebut melibatkan syarikat yang sama, pihak yang sama maka ia adalah suatu keadaan khas yang membolehkan penggantungan prosiding bagi kes ini. Adalah mustahak untuk mahkamah membezakan di antara penggantungan pelaksanaan penghakiman dengan penggantungan prosiding. Ini adalah H disebabkan ia mempunyai pertimbangan dan kesan yang berbeza. Dalam konteks penggantungan prosiding, kesannya dapat dilihat dalam kes *Minister Of Foreign Affairs, Trade And Industry v. Vehicles And Supplies Ltd* [1991] 1 WLR 550 di mana Lord Oliver of Aylmerton menyatakan seperti berikut:

A stay of proceedings is an order which puts a stop to the further conduct I of proceedings in court or before a tribunal at the stage which they have reached, the object being to avoid the hearing or trial taking place. It is not an order enforceable by proceedings for contempt because it is not, in its nature, capable of being "breached" by a party to the proceedings

> or anyone else. It simply means that the relevant court or tribunal cannot, whilst the stay endures, effectively entertain any further proceedings except for the purpose of lifting the stay and that, in general, anything done prior to the lifting of the stay will be ineffective, although such an order would not, if imposed in order to enforce the performance of a condition by a plaintiff (*eg*, to provide security for costs), prevent a defendant from applying to dismiss the action if the condition is not fulfilled: see *La Grange v. McAndrew* (1879) 4 QBD 210.

[19] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa bagi mendapatkan suatu penggantungan pelaksanaan bagi kes yang telah difailkan rayuan ke mahkamah atasan adalah diperlukan untuk ditunjukkan keadaan khas yang membolehkan penggantungan pelaksanaan penghakiman tersebut. Perkara ini telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v. Koperasi Serbausaha Makmur Bhd* [2003] 4 CLJ 1 seperti berikut:

> It is therefore clear beyond doubt that there are many factors that may constitute special circumstances and the fact that an appeal would be rendered nugatory if stay was refused is the most common one. It is an example of special circumstances. In other words special circumstances is the genus of which nugatoriness is a species. If it has been shown that an appeal would be rendered nugatory if stay was refused what it means is that a special circumstance has been established. Thus they cannot be treated as separate heads and one cannot be an alternative to the other. Neither can one be accepted or rejected in favour of the other as they are inter-related. See *See Teow Guan & Ors v. Kian Joo Holdings Sdn Bhd & Anor* [1997] 2 CLJ 299 could have withstood scrutiny if it had merely referred to nugatoriness without rejecting special circumstances. As nugatoriness is a species of special circumstances a mere reference to it is sufficient to convey the correct legal impression. Any attempt to restrict the grant of a stay to nugatoriness, quite apart from its impropriety, will severely restrict the grounds on which an applicant may rely. Learned counsel for the applicants is therefore wrong in submitting that the nugatory approach is not a matter for consideration in this case as what is relevant is only the special circumstances. He would have been correct if he had said that he was not relying on nugatoriness but on some other species of special circumstances.

[20] Mahkamah ini juga mendapati bahawa bagi permohonan untuk penggantungan prosiding jenayah, garis panduan yang mantap telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak* [2019] 6 CLJ 561 seperti berikut:

> [32] In summary, in considering an application for stay of criminal proceedings when commencement of the trial is imminent or continuing in the court of first instance, the determinative principles to be derived from the above cases are as follows:
>
> (i) There is a strong public interest in the prosecution of crime and in ensuring that those charged with serious criminal offences are tried (*R v. Crawley and Others* [2014] EWCA Crim 1028 at para. [18]).

A (ii) It is undesirable that the criminal process be interrupted or fragmented by interlocutory proceedings. The considerations of public interest are of great weight leaning in favour of expeditious resolution of accusations of crime.

(iii) The undesirability of fragmenting the criminal process is not
B confined to any particular part of the criminal process, but rather to the process as a whole. Any interference with any part of the process is antithetical to the proper and just disposition of criminal cases. The caution about the undesirability of fragmentation of criminal process would be more pronounced where a hearing of proceedings has actually commenced.

C (iv) A stay of proceedings application will require especially compelling justification in a case qualifying for urgent judicial decision. For instance, it is important that anyone charged with serious criminal offences be brought to trial expeditiously. Public interest would not be served by allowing the defence to request for a delay. An accused
D of serious criminal offences who is not guilty should have the opportunity of clearing his name without excessive delay (*Attorney General's Reference No. 2 of 2001* [2003] UKHL 68 at [16]).

(v) A stay of proceedings will not normally be granted pending an interlocutory appeal in a criminal trial. It is only in very exceptional or unusual circumstances that a stay order is granted. This is so
E even if the issuing of the interlocutory appeal is not opposed by the prosecution or in fact supported by both the prosecution and the defence.

(vi) The accused's rights over preliminary or interlocutory rulings made by the trial judge are best vindicated by appeal after conviction, if
F any. It is generally more desirable to consider preliminary or interlocutory rulings made by the trial judge in appeal after conviction upon full trial with the benefit of a concrete factual setting than considering them in the abstract during interlocutory appeal.

G (vii) The fact that an accused will be put to the expense of a trial is irrelevant and would not qualify as "exceptional circumstances" to justify a stay of a criminal trial pending resolution of an appeal.

(viii) The courts should exercise great caution in allowing other forms of collateral challenge, in parallel proceedings such as an application for a declaration or other form of judicial review with similar relief in
H the nature of *certiorari*, be it commenced in the same court or another civil or criminal court, which have the net effect of staying the criminal proceedings or would interfere with or impinge directly upon the normal course of proceedings in a criminal trial.

I la juga telah dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Datin Seri Rosmah Mansor v. PP* [2022] 1 CLJ 849.

[21] Dalam hal ini, wajar sekiranya mahkamah merujuk kepada keputusan dalam kes *R (On The Application Of SB (Sudan)) v. Secretary Of State For Home Department* [2012] EWHC 3483 bagi memahami apakah yang perlu diambil kira dalam menentukan suatu penggantungan prosiding. Penelitian kepada fakta kes tersebut menunjukkan bahawa satu permohonan penggantungan prosiding dibuat dengan alasan terdapat suatu perintah yang berkaitan isu yang sama berkenaan dengan pengusiran pemohon dalam kes tersebut ke Itali. Kes ini melibatkan undang-undang imigresen di United Kingdom. Ini dapat dilihat di perenggan [23] seperti berikut:

> [23] Following the publication of the decision in *EM* and the sealing of the order, there was a suggestion that other claims raising similar issues should be stayed and that the removal of Claimants to Italy should be stayed on terms similar to those in the order. The Secretary of State opposed that suggestion. The present hearing was arranged, and was to be confined to the issue of whether a stay on the proceedings should be granted. Both parties before me, however, have made their submissions also in relation to stay on the Claimant's removal, as indeed was envisaged by a request from the court to consider the following issues:
>
> 1. Whether the Court of Appeal's decision to stay the removal of the Appellants in *EM* and others pending applications for permission to appeal to the Supreme Court should apply to other cases raising the same issues.
> 2. If so, why this case is so different that it should not be covered by such a stay.
> 3. What criteria should be considered by the court in determining whether or not this case or any other case is different from *EM* and others.
> 4. In how many cases is this issue of stay anticipated to arise.

[22] Dalam kes tersebut, MR C M G Ockelton menyatakan seperti berikut berkaitan dengan penggantungan prosiding:

> [26] A stay on proceedings may be associated with the grant of interim relief, but it is essentially different. In determining whether proceedings should be stayed, the concerns of the court itself have to be taken into the balance. Decisions as to listing, and decisions as to which cases are to be heard at any particular time are matters for the court itself and no party to a claim can demand that it be heard before or after any other claim. The court will want to deal with claims before it as expeditiously as is consistent with justice. But, on the other hand, it is unlikely to want to waste time and other valuable resources on an exercise that may well be pointless if conducted too soon. If, therefore, the court is shown that there will be, or there is likely to be, some event in the foreseeable future that may have an impact on the way a claim is decided, it may decide to stay proceedings in the claim until after that event. It may be more inclined to grant a stay if there is agreement between the parties. It may not need to grant a stay if the pattern of work shows that the matter will

A not come on for trial before the event in question. The starting point must, however, be that a Claimant seeks expeditious determination of his claim and that delay will be ordered only if good reason is shown.

[27] In cases where a request for a stay on proceedings is coupled, expressly or by necessary implication, with a request for interim relief, the
B court will need to take into account the factors relevant to both types of decision, and may need to take into account a third: that by securing interim relief and a stay, the Applicant may be asking the court to use its powers to give him, for as long as he can secure it, a benefit that he may not obtain at the trial.

C **[23]** Pandangan ini telah disahkan oleh Mahkamah Rayuan di United Kingdom dalam kes *AB (Sudan) v. Secretary Of State For The Home Department* [2013] EWCA Civ 921 oleh Jackson LJ seperti berikut:

[25] In relation to stays of proceedings, as opposed to stays of enforcement, the judge is making a case management decision. Such
D decisions will rarely be challenged and even more rarely be reversed on appeal.

[26] The judge set out the principles governing the grant of a stay at paras. 27-28 of the judgment below as follows:

27 A stay on proceedings may be associated with the grant of
E interim relief, but it is essentially different. In determining whether proceedings should be stayed, the concerns of the court itself have to be taken into the balance. Decisions as to listing, and decisions as to which cases are to be heard at any particular time are matters for the court itself and no party to a claim can demand that it be heard before or after any other claim. The court will want to deal
F with claims before it as expeditiously as is consistent with justice. But, on the other hand, it is unlikely to want to waste time and other valuable resources on an exercise that may well be pointless if conducted too soon. If, therefore, the court is shown that there will be, or there is likely to be, some event in the foreseeable future that may have an impact on the way a claim is decided, it may
G decide to stay proceedings in the claim until after that event. It may be more inclined to grant a stay if there is agreement between the parties. It may not need to grant a stay if the pattern of work shows that the matter will not come on for trial before the event in question. The starting point must, however, be that a Claimant seeks expeditious determination of his claim and that delay will be
H ordered only if good reason is shown.

28 In cases where a request for a stay on proceedings is coupled, expressly or by necessary implication, with a request for interim relief, the court will need to take into account the factors relevant to both types of decision, and may need to take into account a
I third: that by securing interim relief and a stay, the Applicant may be asking the court to use its powers to give him, for as long as he can secure it, a benefit that he may not obtain at the trial.

[27] I agree with what is set out in those paragraphs, but wish to add some further comments in relation to immigration cases.

[24] Ia telah dirujuk oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak* (*supra*) di atas seperti di perenggan [29] hingga [31] alasan penghakiman seperti berikut:

[29] In the UK, the power of the court to stay a criminal proceeding is inherent in nature. (See: *Re Wickham* [1887] 35 Ch D 272 at p. 280). Historically, a stay of proceedings "had the draconian effect of bringing proceedings to a conclusion, unless it was of the conditional variety. This has, however, been superseded by contemporary practice". (See: *R (on the application of AO & AM) v. Secretary of State for the Home Department (stay of Proceedings - principles)* [2017] UKUT 168 (IAC) at para. [20]). A stay of proceedings is different from a stay of execution (*AB (Sudan) v. Secretary of State for the Home Department* [2013] EWCA Civ 921 at para. [25]). In the case of a stay of proceeding, the governing principles formulated by the Court of Appeal in *AB (Sudan)* (at para. [26]), *albeit* discussed in the immigration and asylum context, are that:

> A stay on proceedings may be associated with the grant of interim relief, but it is essentially different. In determining whether proceedings should be stayed, the concerns of the court itself have to be taken into the balance. Decisions as to listing, and decisions as to which cases are to be heard at any particular time are matters for the court itself and no party to a claim can demand that it be heard before or after any other claim. The court will want to deal with claims before it as expeditiously as is consistent with justice. But, on the other hand, it is unlikely to want to waste time and other valuable resources on an exercise that may well be pointless if conducted too soon. If, therefore, the court is shown that there will be, or there is likely to be, some event in the foreseeable future that may have an impact on the way a claim is decided, it may decide to stay proceedings in the claim until after that event. It may be more inclined to grant a stay if there is agreement between the parties. It may not need to grant a stay if the pattern of work shows that the matter will not come on for trial before the event in question. The starting point must, however, be that a claimant seeks expeditious determination of his claim and that delay will be ordered only if good reason is shown.
>
> In cases where a request for a stay on proceedings is coupled, expressly or by necessary implication, with a request for interim relief, the court will need to take into account the factors relevant to both types of decision, and may need to take into account a third: that by securing interim relief and a stay, the applicant may be asking the court to use its powers to give him, for as long as he can secure it, a benefit that he may not obtain at the trial.

A [30] *In short, the principles distilled from the English Court of Appeal decision in AB (Sudan) are these*:

(i) every claimant is entitled to expect expeditious judicial adjudication. The strength of this expectation will be calibrated according to the individual litigation equation;

B *(ii) the judicially imposed delay flowing from a stay order requires good reason;*

(iii) judicial choreography whereby one case is frozen awaiting the outcome of another is justified for example where the assessment is that the latter will have a critical impact upon the former;

C *(iv) great caution is to be exercised where a stay application is founded on the contention that the outcome of another case will significantly influence the outcome of the instant case. (See: R (on the application of AO & AM) at para. [23]); and*

(v) a stay application will require especially compelling justification in a case qualifying for urgent judicial decision. (See: R (on the application of AO & AM) at para. [24]).

D [31] While it is true that the above criteria were discussed in the context of immigration and asylum cases, we do not find any reason to decline adopting and applying the same to criminal proceedings.

(penekanan ditambah)

E **[25]** Namun, demikian pemakaian prinsip di dalam *AB Sudan* (*supra*) dalam konteks penangguhan prosiding harus dilihat dalam konteks undang-undang prosedur sivil di United Kingdom. Ini adalah disebabkan kuasa untuk memberikan penangguhan prosiding dimasukkan di bahagian 3.1 The Civil Procedure Rules 1998 iaitu kuasa mahkamah di dalam pengurusan kes F seperti berikut:

The court's general powers of management

3.1 – (1) The list of powers in this rule is in addition to any powers given to the court by any other rule or practice direction or by any other enactment or any powers it may otherwise have.

G (2) Except where these Rules provide otherwise, the court may:

(a) extend or shorten the time for compliance with any rule, practice direction or court order (even if an application for extension is made after the time for compliance has expired);

H (b) adjourn or bring forward a hearing;

[**F1** (bb) require that any proceedings in the High Court be heard by a Divisional Court of the High Court;]

(c) require a party or a party's legal representative to attend the court;

I (d) hold a hearing and receive evidence by telephone or by using any other method of direct oral communication;

(e) direct that part of any proceedings (such as a counterclaim) be dealt with as separate proceedings;

(f) **stay(GL) the whole or part of any proceedings or judgment either generally or until a specified date or event;**

(g) consolidate proceedings;

(h) try two or more claims on the same occasion;

(i) direct a separate trial of any issue;

(j) decide the order in which issues are to be tried;

(k) exclude an issue from consideration;

(l) dismiss or give judgment on a claim after a decision on a preliminary issue;

[**F2**(ll) order any party to file and [**F3** exchange a costs budget];]

(m) take any other step or make any other order for the purpose of managing the case and furthering the overriding objective **[F4**, including hearing an Early Neutral Evaluation with the aim of helping the parties settle the case].

(penekanan ditambah)

[26] Sementara itu, apabila dirujuk kepada A. 34 KKM 2012 berkenaan dengan pengurusan kes sebelum bicara, didapati tiada peruntukan yang serupa dengan The Civil Procedure 1998 United Kingdom. Aturan 34 KKM 2012 memperuntukkan seperti berikut:

1. Perintah dan arahan bagi penyelesaian prosiding yang adil, cepat dan ekonomi (A. 34 k. 1)

...

2. Pengurusan kes sebelum bicara apabila diarahkan oleh Mahkamah (A. 34 k. 2)

...

3. Pemberitahuan pengurusan kes sebelum bicara (A. 34 k. 3)

...

4. Kehadiran di pengurusan kes sebelum bicara (A. 34 k. 4)

...

5. Penangguhan pengurusan kes sebelum bicara (A. 34 k. 5)

...

6. Kegagalan untuk hadir (A. 34 k. 6)

...

7. Pengakuan dan persetujuan (A. 34 k. 7)

...

8. Kewajipan memberi semua maklumat di pengurusan kes sebelum bicara (A. 34 k. 8)

...

9. Kewajipan membuat semua permohonan interlokutori dalam pengurusan kes sebelum bicara (A. 34 k. 9)

A ...

10. Arahan automatik dalam tindakan kecederaan diri (A. 34 k. 10)

...

11. Ketidakzahiran (A. 34 k. 11)

B ...

12. Pengguguran tindakan (A. 34 k. 12)

...

(penekanan ditambah)

[27] Mahkamah ini juga merujuk kepada s. 25(2) Akta Mahkamah C Kehakiman 1964 bersama Jadual Akta yang sama seperti yang dinyatakan di dalam intitulement kes ini bagi meneliti sama ada terdapat peruntukan khusus berkenaan kuasa mahkamah untuk memberikan penggantungan prosiding. Seksyen 25(2) Akta tersebut memperuntukkan seperti berikut:

25 Powers of the High Court

D (1) Without prejudice to the generality of Article 121 of the Constitution the High Court shall in the exercise of its jurisdiction have all the powers which were vested in it immediately prior to Malaysia Day and such other powers as may be vested in it by any written law in force within its local jurisdiction.

E *(2) Without prejudice to the generality of subsection (1) the High Court shall have the additional powers set out in the Schedule:*

Provided that all such powers shall be exercised in accordance with any written law or rules of court relating to the same.

(penekanan ditambah)

F Jadual Akta adalah seperti berikut:

(Section 25 (2))
Additional Powers Of High Court

1. Prerogative writs

G Power to issue to any person or authority directions, orders or writs, including writs of the nature of *habeas corpus*, *mandamus*, prohibition, *quo warranto* and *certiorari*, or any others, for the enforcement of the rights conferred by Part II of the Constitution, or any of them, or for any purpose.

H **2. Distress for rent**

Power to issue and enforce writs or warrants of distress for arrears of rent.

3. Partition of land

Power to direct a sale instead of partition in any action for partition of I land; and in any cause or matter relating to land, and in any cause or matter relating to land, where it appears necessary or expedient, to order the land or any part thereof to be sold, and to give all necessary and consequential directions.

4. Sale of land

Power to order land to be charged or mortgaged, as the case may be, in any case in which there is jurisdiction to order a sale.

5. Interpleader

Power to grant relief by way of interpleader:

(a) where the person seeking relief is under liability for any debt, money, or goods or chattels, for or in respect of which he has been, or expects to be, sued by two or more parties making adverse claims thereon; and

(b) where a Sheriff, bailiff or other officer of court is charged with the execution of process of court, and claim is made to any money or goods or chattels taken or intended to be taken in execution under any process, or to the proceeds or value of any such goods or chattels by any person other than the person against whom the process is issued,

and to order the sale of any property subject to interpleader proceedings.

6. Preservation of property

Power to provide for the interim preservation of property the subject-matter of any cause or matter by sale or by injunction or the appointment of a receiver or the registration of a caveat or a *lis pendens* or in any other manner whatsoever.

7. Interest

Power to direct interest to be paid on debts, including judgment debts, or on sums found due on taking accounts between parties, or on sums found due and unpaid by receivers or other persons liable to account to the Court.

8. Time

Power to enlarge or abridge the time prescribed by any written law for doing any act or taking any proceeding, although any application therefor be not made until after the expiration of the time prescribed:

Provided that this provision shall be without prejudice to any written law relating to limitation.

9. Writs of seizure and sale

Power to enforce judgment of the Court for the payment of money to any person or into Court by a writ, to be called a writ of a seizure and sale, under which all the property, movable or immovable, of whatever description, of a judgment debtor may be seized, except property which is exempt from seizure and sale under any written law.

10. Other execution

Power to enforce a judgment of the Court in any other manner which may be prescribed by any written law or rules of court.

11. ***Res judicata***

Power to dismiss or stay proceedings where the matter in question is *res judicata* between the parties, or where by reason of multiplicity of proceedings in any court or courts the proceedings ought not to be continued.

12. Transfer of proceedings

Power to transfer any proceedings to any other Court or to or from any subordinate court, and in the case of transfer to or from a subordinate court to give any directions as to the further conduct thereof:

Provided that this power shall be exercised in such manner as may be prescribed by any rules of court.

13. Set-off

Power to allow a defence of set-off.

14. Discovery and interrogatories

Power to order discovery of facts or documents by any party or person in such manner as may be prescribed by rules of court.

15. Costs

Power to award costs.

16. Execution of documents

Power to execute, or direct any of its officers to execute, any transfer, conveyance, assignment, contract or other document, including an endorsement on a negotiable instrument, which any person has been ordered by the Court to execute, if he has neglected or refused to execute the same or is out of the jurisdiction, and the same shall operate to all intents as if executed by that person.

17. Vexatious litigants

Power to restrain any person who has habitually and persistently and without reasonable cause instituted vexations legal proceedings in any court, whether against the same or different persons, from instituting any legal proceedings in any court save by leave of a Judge. A copy of any such order shall be published in the *Gazette*.

[28] Penelitian kepada s. 25(2) dan Jadual Akta tersebut tidak dapat ditemui peruntukan khusus berkenaan bidang kuasa mahkamah untuk memberikan penggantungan prosiding. Namun demikian, terdapat keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd; Ling Beng Sung v. Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors (No 2)* [1974] CLJU 205; [1974] 1 LNS 205; [1976] 1 MLJ 131 yang menyatakan bahawa bidang kuasa untuk memberi dan menolak permohonan penggantungan adalah sesuatu yang boleh diberikan oleh mahkamah dalam konteks penggantungan pelaksanaan telah memetik *Halsbury's Law of England*, 3rd edn, vol. 16 dan menyatakan seperti berikut:

Halsbury's Laws of England, 3rd Edition, Volume 16 at page 35 states:

> The court has an absolute and unfettered discretion as to the granting or refusing a stay, and as to the terms upon which it will grant it, and will, as a rule, only grant it if there are special circumstances, which must be deposed to on affidavit unless the application is made at the hearing.

[29] Pendekatan yang perlu digunakan oleh mahkamah dalam mempertimbangkan permohonan penggantungan prosiding telah dinyatakan dengan menarik oleh Mahkamah Rayuan di United Kingdom dalam kes *Shackleton v. Swift* [1913] 2 KB 304 di mana Vaughan Williams LJ menyatakan seperti berikut:

> To stay an action, to say that an action shall not be tried, is generally to take a step which ought not to be taken except in a very clear case. It not unfrequently arises under the Judicature Act and Rules that there is an application to stay an action, or an application to declare that an action is frivolous, and in those cases the practice under the Judicature Act has always been not to stay the action under the general powers of the Judicature Act, because it is a strong thing to say to a plaintiff who is bringing an action that his complaint will not be heard, to say that it will be stayed without there having been a trial, without the evidence having been heard. Generally speaking, the consequence is that the judges are very slow to stay actions; that does not mean that there is no discretion in the judges; but the general practice is that you should not stay actions unless the action, beyond all reasonable doubt, ought not to go on. In other words, you ought not to stay an action unless one of two things occurs: either the action before the Court is what in old days would have been held to be a demurrable claim, or the action is of such a character that, although it may not be demurrable, there is plain reason why it must fail.

[30] Begitu juga dalam kes *Abraham v. Thompson* [1997] 4 All ER 362 dinyatakan seperti berikut:

> In my view, the starting point in any case where a stay is sought in circumstances which are not provided for by statute or rules of court, should be the fundamental principle that in this country an individual (who is not under a disability, a bankrupt or a vexatious litigant) is entitled **to untrammelled access** to a court of first instance in respect of a *bona fide* claim based on a properly pleaded cause of action, subject only to the sanction or consideration that he is in peril of an adverse costs order if he is unsuccessful, in respect of which the opposing party may resort to the usual remedies of execution and/or bankruptcy if such order is not complied with. This principle is of course subject to the further proviso that, if the court is satisfied that the action is not properly constituted or pleaded, or is not brought *bona fide* in the sense of being vexatious oppressive or otherwise an abuse of process then the court may dismiss the action or impose a stay whether under the specific provisions of the rules of court or the inherent jurisdiction of the court.
>
> (penekanan ditambah)

[31] Oleh itu, penelitian kepada kes-kes di atas menunjukkan bahawa penggantungan prosiding boleh dilakukan berdasarkan:

(i) undang-undang bertulis.

Misalnya Akta Mahkamah Kehakiman atau s. 10 Akta Timbang Tara 2015 yang memperuntukkan seperti berikut:

> **10 Perjanjian timbang tara dan tuntutan substantive di hadapan mahkamah**
>
> (1) Mahkamah yang di hadapannya prosiding dibawa berkenaan dengan suatu perkara yang menjadi hal suatu perjanjian timbang tara hendaklah, jika suatu pihak membuat permohonan sebelum mengambil apa-apa langkah lain dalam prosiding itu, menggantung prosiding itu dan merujukkan pihak-pihak itu kepada timbang tara melainkan jika mahkamah itu mendapati bahawa perjanjian itu adalah batal dan tidak sah, tidak berkuat kuasa atau tidak dapat dilaksanakan.
>
> (2) Mahkamah, dalam membenarkan suatu penggantungan prosiding menurut subseksyen (1), boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.
>
> (2A) Jika prosiding admiralti digantung menurut subseksyen (1), mahkamah yang membenarkan penggantungan itu boleh, jika dalam prosiding mahkamah itu harta pernah ditahan atau ikat jamin atau jaminan lain telah diberikan untuk mengelakkan atau mendapatkan pelepasan daripada tahanan:
>
> (a) memerintahkan supaya harta yang ditahan itu dipegang sebagai jaminan bagi penyelesaian apa-apa award yang diberikan dalam timbang tara berkenaan dengan pertikaian itu; atau
>
> (b) memerintahkan supaya penggantungan prosiding itu adalah dengan syarat pengadaan jaminan yang setara bagi penyelesaian apa-apa award sedemikian.
>
> (2B) Tertakluk kepada apa-apa kaedah-kaedah mahkamah dan kepada apa-apa ubah suaian yang perlu, undang-undang dan amalan yang sama hendaklah terpakai berhubungan dengan harta yang dipegang menurut suatu perintah di bawah subseksyen (2A) sebagaimana akan terpakai jika ia ditahan bagi maksud prosiding dalam mahkamah yang membuat perintah itu.
>
> (2C) Bagi maksud seksyen ini, prosiding admiralti merujuk kepada prosiding admiralti di bawah Aturan 70 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [PU(A) 50/1980] dan prosiding yang dimulakan menurut perenggan 24(b) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91].
>
> (3) Jika prosiding yang disebut dalam subseksyen (1) telah dibawa, prosiding timbang tara boleh dimulakan atau diteruskan, dan suatu award boleh dibuat, sementara isu itu belum selesai di hadapan mahkamah.

(4) Seksyen ini hendaklah juga terpakai berkenaan dengan timbang tara antarabangsa, sekiranya tempat timbang tara bukan di Malaysia.

Rujuk kes *Press Metal Sarawak Sdn Bhd v. Etiqa Takaful Bhd* [2016] 9 CLJ 1; [2016] 5 MLJ 417, *Yeo Eng Lam v. Infinity Vantage Sdn Bhd* [2020] 6 CLJ 616 dan *Airbus Helicopters Malaysia Sdn Bhd v. Aerial Power Lines Sdn Bhd* [2024] 4 CLJ 243.

(ii) Kaedah-kaedah Mahkamah;

(iii) penggunaan budi bicara mahkamah; dan

(iv) kuasa sedia ada mahkamah.

[32] Mahkamah ini juga mendapati penggantungan prosiding boleh dipertimbangkan di bawah kuasa sedia ada mahkamah digunakan dalam penggantungan mahkamah yang melibatkan undang-undang syarikat seperti yang dinyatakan dalam kes *International Construction & Civil Engineering Sdn Bhd v. Jittra Sdn Bhd & Ors* [2018] CLJU 1252; [2018] 1 LNS 1252; [2018] MLJU 1207 seperti berikut:

[15] It is now well established that the court will not exercise its inherent jurisdiction to stay a proceeding unless there are extremely compelling reasons to do so and not merely on the grounds of what is often referred to as 'interest of justice', *etc*. The strict rule in vogue is that once an action is filed, it must proceed expeditiously. The threshold to seek a stay of proceedings is very high in cases before the trial court. Very importantly, if the *bona fide* of the application is in doubt, a stay application must be dismissed *in limine*.

[33] Aturan 92 k. 4 KKM 2012 memperihalkan berkenaan bidang kuasa sedia ada mahkamah seperti berikut:

4. Kuasa sedia ada Mahkamah (A. 92 k. 4)

Bagi menghapuskan keraguan dengan ini diisytiharkan bahawa tiada apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini boleh disifatkan sebagai mengehadkan atau menjejaskan kuasa sedia ada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah sebagaimana yang perlu untuk mencegah ketidakadilan atau untuk mencegah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah.

[34] Hakikat penggunaan bidang kuasa sedia ada ini dijelaskan dalam kes *The Motor Emporium v. Arumugam* [1933] CLJU 106; [1933] 1 LNS 106; [1933] 2 MLJ 276 seperti berikut:

It is said that the English rules of equity, as administered by the Court of Chancery, have no application in the Federated Malay States, as the Court has not been given the jurisdiction of the Court of Chancery, nor is there any Civil Law Enactment incorporating into the law of the Federated Malay States the equitable principles applied in England. This is perfectly true so far as it goes, but under section 49(i) of the Courts Enactment, the Supreme Court has the widest possible jurisdiction in all

A suits, matters and questions of a civil nature, and although the legislature has given no indication on what principles such jurisdiction should be exercised, every Court must have inherent jurisdiction to do justice between the parties, and apply such principles as are necessary or desirable for attaining such object, and for giving decisions which are in conformity with the requirements of the social conditions of the community where B the law is administered. Looked at in this light, it would hardly be reasonable to exclude in the Federated Malay States a principle of natural justice merely because a not less civilised community, namely England, has adopted such a principle as part of its recognised legal system. On the contrary, it is a cogent reason for adopting the same principle in the C Federated Malay States.

[35] Mahkamah ini juga mendapati bahawa di dalam kes-kes yang melihatkan Akta Syarikat terdapat penggunaan A. 92 k. 4 KKM 2012 dalam menimbangkan permohonan injunksi untuk menghalang daripada pemfailan petisyen penggulungan. Ini dinyatakan dalam kes *Zalam Corporation Sdn Bhd lwn. Dolomite Readymixed Concrete Sdn Bhd* [2011] 9 CLJ 705 seperti berikut: D

> [10] Walau apa pun, adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk menghalang pengemukaan sesuatu petisyen penggulungan atau penerusan apa-apa prosiding selanjutnya pada menjalankan kuasa sedia adanya (inherent power) yang terpelihara di bawah A. 92 k. 4 KKMT 1980 untuk mencegah E penyalahgunaan proses mahkamah. Mahkamah di negara ini telah menjalankan kuasa sedia ada tersebut dalam beberapa keadaan, termasuk, jika pempetisyen nescaya akan gagal dalam petisyen yang akan dikemukakannya (lihat *RHB Bank Bhd v. Gunasingam Ramasingam* [2002] 5 CLJ 544 yang mengikuti kes *Bryanston Finance Ltd v. De Vries (No 2)* [1976] F 1 All ER 25), atau jika petisyen itu diasaskan kepada hutang yang jelas dipertikaikan yang sepatutnya diselesaikan melalui prosiding biasa (*Malaysian Resources Corporation Bhd v. Juranas Sdn Bhd* [2002] 7 CLJ 260), atau jika sesuatu petisyen dikemukakan selain daripada untuk tujuan yang sah.
>
> [11] Mahkamah ini dalam kes *Mobikom Sdn Bhd v. Inmiss Communications* G *Sdn Bhd* [2007] 3 CLJ 295, telah menerima-pakai prinsip yang telah diasaskan oleh McGarvie J dalam kes *Fortuna Holdings Pty Ltd v. Deputy Commissioner of Taxation of the Commonwealth of Australia* [1978] VR 83, dalam menimbangkan sesuatu permohonan injunksi sedemikian. Ringkasnya, pengemukaan petisyen penggulungan boleh dihalang melalui injunksi jika pengemukaannya merupakan suatu penyalahgunaan proses H mahkamah. Prinsip yang diasaskan itu mempunyai dua cabang, iaitu, pertama, jika pengemukaan sesuatu petisyen mungkin akan menyebabkan syarikat mengalami kerugian yang sukar dipulihkan dan petisyen itu tidak mungkin akan berjaya; dan, kedua, jika petisyen itu bertujuan untuk menuntut hutang yang dipertikaikan melalui prosedur yang mungkin menyebabkan kerugian yang sukar dipulihkan dan tidak melalui suatu I prosedur alternatif yang sesuai.

[36] Ia juga dinyatakan dalam kes *Mobikom Sdn Bhd v. Inmiss Communications Sdn Bhd* [2007] 3 CLJ 295 dan *Swissray Asia Healthcare Co Ltd v. V Medical Services M Sdn Bhd* [2024] 8 CLJ 21.

[37] Namun demikian mahkamah mendapati bahawa injunksi yang diberikan menghalang pemfailan petisyen penggulungan bukan termasuk di dalam penggantungan prosiding. Ia adalah satu injunksi yang dikenali sebagai "injunksi *Fortuna*" yang berdasarkan kepada kes *Fortuna Holdings Pty Ltd v. The Deputy Commissioner of Taxation of the Commonwealth of Australia* [1978] VR 83; 2 AC LR 349. Dalam kes itu, Hakim McGarvie J memutuskan bahawa mahkamah boleh menghalang pengemukaan petisyen penggulungan syarikat dalam dua keadaan iaitu pertama apabila pengemukaan petisyen tersebut akan menghasilkan kerugian yang tidak dapat diperbaiki kepada syarikat dan petisyen yang dicadangkan itu tidak mempunyai peluang untuk berjaya. Kedua, apabila pempetisyen telah memilih untuk menunjukkan pertikaian tuntutan melalui prosedur yang boleh menghasilkan kerugian yang tidak dapat diperbaiki kepada syarikat dengan tidak menggunakan prosedur alternatif yang bersesuaian.

[38] Walau bagaimanapun, dalam kes ini, permohonan defendan-defendan tidak tergolong di dalam tindakan untuk menghalang plaintif memfailkan petisyen penggulungan. Plaintif telah memfailkan saman pemula terhadap defendan-defendan dalam kes ini. Oleh itu, prinsip yang dinyatakan dalam kes *Zalam Corporation Sdn Bhd* (*supra*), *Mobikom Sdn Bhd* (*supra*) dan *Swissray Asia Healthcare* (*supra*) tidak wajar dipertimbangkan dalam kes ini.

[39] Persoalannya ialah apakah asas untuk mahkamah ini menimbangkan permohonan penggantungan prosiding. Adakah ia boleh dibuat dengan menggunakan bidang kuasa sedia ada di bawah A. 92 k. 4 KKM 2012 ataupun mahkamah boleh menggunakan budi bicara kehakiman. Sebagai pelengkap adalah wajar ditelusuri peruntukan berkenaan dengan penggantungan prosiding di mahkamah rendah. Ini dapat dilihat di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948 iaitu di s. 99A seperti berikut:

99A Further powers and jurisdiction of courts

In amplification and not in derogation of the powers conferred by this Act or inherent in any court, and without prejudice to the generality of any such powers, every Sessions Court and Magistrates' Court shall have the further powers and jurisdiction set out in the Third Schedule.

[Section 99A]

Additional Powers Of Sessions Courts And Magistrates' Courts

1. *Res judicata* and multiplicity of proceedings

...

2. Stay of proceedings

(1) Power to stay proceedings unless they have been instituted in the District in which:

A (a) the cause of action arose;

(b) the defendant resides or has his place of business;

(c) one of several defendants resides or has his place of business.

(d) the facts on which the proceedings are based exist or are alleged to
B have occurred; or

(e) for other reasons it is desirable in the interests of justice that the proceedings should be had.

(2) (Omitted).

C **[40]** Ini bermakna bagi mahkamah-mahkamah rendah, Akta Mahkamah Rendah 1948 telah memperuntukkan kuasa untuk penggantungan prosiding secara khusus dan jelas. Sebaliknya di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 seperti yang dinyatakan di perenggan [27] di atas tidak terdapat peruntukan khusus berkenaan dengan kuasa untuk menggantungkan
D prosiding. Ini bermakna bagi mahkamah rendah, budi bicara untuk menggantung prosiding adalah perlu dilakukan dengan menggunakan budi bicara kehakiman. Pada hemat mahkamah bagi mahkamah rendah tidak timbul penggunaan budi bicara atau bidang kuasa sedia ada di dalam mempertimbangkan permohonan untuk penggantungan prosiding. Ini adalah disebabkan telah menjadi undang-undang yang mantap bahawa apabila telah
E terdapat peruntukan khusus di dalam suatu undang-undang maka bidang kuasa sedia ada tidak boleh digunakan. Ini telah dinyatakan dalam kes *R Rama Chandran v. Industrial Court Of Malaysia & Anor* [1997] 1 CLJ 147; [1997] 1 MLJ 145 dan *Permodalan MBF Sdn Bhd v. Tan Sri Datuk Seri Hamzah Abu Samah & Ors* [1988] 1 CLJ 31; [1988] 1 CLJ (Rep) 244; [1988] 1 MLJ
F 178.

[41] Dalam kes *Permodalan MBF Sdn Bhd* (*supra*), Mahkamah Agung telah menyatakan pemakaian bidang kuasa sedia seperti berikut:

> Has the court any jurisdiction to exercise its inherent powers in the instant
G case? Order 92 rule 4 R.H.C. provides:
>
> > 4. For the removal of doubts it is hereby declared that nothing in these rules shall be deemed to limit or affect the inherent powers of the court to make any order as may be necessary to prevent injustice or to prevent an abuse of the process of the court.
>
> H We read this to mean that the rules cannot interfere with the exercise of the inherent powers by the court so long as it deems it necessary to prevent any injustice or any abuse of its own process. It follows that where the rules contain provisions making available sufficient remedies, the court will not invoke its inherent powers.

I

[42] la turut dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *R Rama Chandran* (*supra*) berkenaan dengan pemakaian bidang kuasa sedia ada seperti berikut:

> In my opinion, the inherent powers of the court as provided under O. 92 r. 4 of the Rules of the High Court 1980 must not only be exercised subject to other express provision of the Rules but it must also not be in conflict with the intention of the legislature to be found within the Rules or other substantive legislation.

[43] Di samping itu, Mahkamah Persekutuan dalam *R Rama Chandran* (*supra*) juga telah memperjelaskan berkenaan dengan tujuan bidang kuasa sedia ada seperti berikut:

> I would readily agree that inherent powers as contained in O. 92 r. 4 are indispensible implements for use of the courts to prevent injustice or any abuse of the process of the court. But the powers themselves stand to be abused if they were to be exercised without circumspection by the courts. For myself, I would undoubtedly use them in cases where Parliament has omitted to provide in the Act something so glaring which obviously ought to have been there. But on no account should these powers be used to defeat the intention of the legislature, especially so when it has deliberately excluded the use of such particular remedy from any legislation.

[44] Mahkamah ini berpendapat di dalam ketiadaan peruntukan khusus di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 seperti yang terdapat di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948 maka pertimbangan untuk penggantungan sesuatu prosiding oleh mahkamah ini hendaklah dibuat dengan menggunakan bidang kuasa sedia ada. Pada hemat mahkamah, perbezaan bidang kuasa untuk menimbangkan permohonan penggantungan prosiding di antara mahkamah rendah dan mahkamah tinggi adalah disebabkan mahkamah tinggi mempunyai bidang kuasa sedia ada tidak seperti mahkamah rendah. Ini telah dijelaskan dalam kes *Karpal Singh & Anor v. PP* [1991] 2 CLJ 1458; [1991] 1 CLJ (Rep) 183 dan *Ahmad Zubair Hj Murshid v. PP* [2014] 9 CLJ 289; [2014] 6 MLJ 831.

[45] Dalam kes ini, mahkamah perlu meneliti sama ada terdapat sebarang asas untuk membenarkan permohonan defendan-defendan untuk penggantungan prosiding. Mahkamah berpendapat ujian yang dinyatakan dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak* (*supra*) seperti yang dinyatakan di perenggan [20] di atas perlu diteliti. Begitu juga garis panduan yang diberikan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak* (*supra*) seperti dinyatakan di perenggan [24] di atas. Pada masa yang sama, mahkamah ini juga perlu melihat sama ada tindakan plaintif untuk memfailkan saman pemula ini adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah yang membolehkan tindakan penggantungan prosiding dibenarkan. Ini adalah disebabkan seperti yang dinyatakan di perenggan [8] di atas, plaintif telah pernah memfailkan satu saman pemula dengan nombor

A CB-24NCC-4-11/2019 sebelum daripada pemfailan Guaman Sivil CB-22NCC-3-04/2022. Ianya telah ditarik balik oleh plaintif. Ini menunjukkan bahawa sebelum daripada pemfailan pada tahun 2022, saman pemula telah difailkan oleh plaintif. Ini menunjukkan bahawa tindakan plaintif memfailkan saman pemula ini bukannya dibuat sejurus selepas
B tindakan defendan pertama memfailkan prosiding Guaman Sivil No. CB-22NCC-3-04/2022 pada tahun 2022 bagi menyatakan ia adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah sehingga menyebabkan permohonan penggantungan prosiding ini boleh dibenarkan. Mahkamah berpendapat tiada penyalahgunaan proses mahkamah oleh plaintif dalam memfailkan saman
C pemula ini bagi membolehkan mahkamah ini menggunakan bidang kuasa sedia ada bagi menggantung prosiding ini.

[46] Seterusnya, mahkamah juga perlu meneliti sama ada terdapat ketidakadilan terhadap defendan-defendan ekoran daripada tindakan pemfailan saman pemula ini oleh pihak plaintif. Mahkamah berpendapat
D bahawa tindakan plaintif memfailkan tindakan saman pemula ini kepada defendan-defendan adalah tindakan yang dibuat berdasarkan kepada kedudukan plaintif di dalam syarikat. Ia akan diputuskan berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dikemukakan melalui afidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak-pihak. Pada hemat mahkamah pihak defendan-defendan
E boleh memfailkan apa-apa afidavit dan ekshibit untuk menyanggah keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh plaintif serta membantu mahkamah membuat keputusan yang sewajarnya dalam prosiding ini. Ia tidak menjejaskan kepentingan pihak defendan-defendan. Malahan, sebenarnya dengan penggantungan prosiding ini ia telah menimbulkan
F ketidakadilan dan prejudis kepada defendan-defendan sendiri disebabkan keadilan yang sepatutnya dinikmati oleh plaintif dan defendan-defendan akan tertangguh dengan tiada alasan yang boleh dipertahankan di bawah undang-undang.

[47] Berdasarkan kepada keputusan-keputusan kes mahkamah atasan
G misalnya *Kosma Palm Oil Mill* (*supra*), *Dato' Sri Mohd Najib* (*supra*) dan *Kong Thai Sawmill* (*supra*), mahkamah mempunyai budi bicara untuk mempertimbangkan permohonan penggantungan prosiding. Namun demikian, ia tidak boleh dibenarkan dengan sewenang-wenangnya. Mahkamah perlu berpuas hati berdasarkan kepada afidavit-afidavit sokongan yang dikemukakan bagi menunjukkan adalah wajar untuk mahkamah
H mempertimbangkan permohonan tersebut. Fakta bahawa terdapat satu prosiding lain yang berkaitan dengan prosiding yang lain di mana permohonan dibuat untuk penggantungan prosiding seperti dalam kes ini tidak semestinya menyebabkan permohonan tersebut perlu dibenarkan.

I

[48] Oleh yang demikian, mahkamah ini berpendapat dalam menentukan sama ada suatu prosiding itu wajar digantungkan, fakta bahawa terdapat satu prosiding lain yang dikatakan akan menjadi pemutus kepada saman pemula dalam kes ini tidaklah tergolong di dalam keadaan yang boleh dipertimbangkan untuk suatu penggantungan prosiding. Ia adalah disebabkan apabila pihak-pihak memfailkan sesuatu tindakan di mahkamah adalah diharapkan tindakan tersebut dapat diselesaikan dan diputuskan oleh mahkamah dalam tempoh yang sewajarnya. Sebarang halangan prosedur atau tindakan yang menggunakan prosedur sehingga menyebabkan kelewatan penyelesaian sesuatu kes tidak mewajarkan suatu permohonan penggantungan prosiding dibenarkan.

[49] Namun demikian, mahkamah juga perlu mengambil kira bahawa pihak-pihak yang berpendapat bahawa isu-isu yang timbul dalam suatu prosiding adalah sama dengan satu prosiding lain maka adalah wajar untuk pihak-pihak tersebut membuat permohonan-permohonan yang sewajarnya di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bagi membolehkan prosiding tersebut didengar bersekali dan diputuskan dengan sewajarnya tanpa menggantungkan prosiding tersebut ke satu tempoh yang lebih panjang sehingga tidak diketahui dengan pasti bilakah prosiding ini akan dapat didengar. Ditambah pula dengan kesan perintah penggantungan sesuatu prosiding seperti yang dinyatakan dalam kes-kes di atas. Mahkamah berpendapat jika ini dilakukan ia bercanggah dengan prinsip perbicaraan adil dan menjejaskan proses mendapatkan keadilan sivil secara berkesan dan dalam tempoh yang munasabah. Ia tidak wajar dilakukan sedemikian.

[50] Oleh yang demikian, mahkamah perlu menggunakan kuasa sedia ada mahkamah dalam membenarkan permohonan penggantungan prosiding dan tidak melakukannya dengan membelakangkan prinsip-prinsip yang telah digariskan berkenaan dengan pendekatan untuk membenarkan sesuatu penggantungan prosiding. Jika ia tidak dilakukan sedemikian ia akan menyumbang kepada tunggakan prosiding mahkamah yang tidak sepatutnya berlaku sekiranya permohonan penggantungan prosiding dipertimbangkan mengikut jalur dan prinsip undang-undang yang sewajarnya. Jika ini berlaku ia akan mengecewakan pihak-pihak yang ingin mendapatkan keadilan sivil di mahkamah. Ini wajar dielakkan bagi memastikan keberkesanan sistem keadilan sivil.

[51] Dalam erti kata lain, pihak-pihak harus menggunakan peruntukan-peruntukan yang bersesuaian dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bagi membolehkan hak mereka didengar oleh mahkamah atau menggabungkan serta menyatukan kepelbagaian prosiding untuk diputuskan bersekali dan ia adalah sejajar dengan hasrat penggubalan pengenalan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 sebagai langkah untuk memastikan prosiding sivil akan dapat diselesaikan dalam tempoh yang sewajarnya dan tidak menjadi batu penghalang kepada proses mendapatkan keadilan sivil dalam tempoh yang sewajarnya.

A

Dapatan

[52] Dalam kes ini, mahkamah berpendapat bahawa fakta defendan kedua mempunyai tuntutan terhadap plaintif bukanlah alasan yang boleh dipertimbangkan oleh mahkamah ini untuk membenarkan permohonan penggantungan prosiding. Di samping itu, alasan bahawa keputusan dalam prosiding Guaman Sivil No. CB-22NCC-3-04/2022 tersebut akan memberi kesan kepada prosiding ini juga tidak dapat disokong dengan keterangan-keterangan bagi membolehkan mahkamah menggantung prosiding ini.

B

[53] Oleh itu, permohonan defendan-defendan ditolak dengan kos.

C

D

E

F

G

H

I